

Teknologi digital mempercepat pertumbuhan ekonomi

Kuala Lumpur: Pandemi COVID-19 mempercepat pertumbuhan ekonomi digital dan seterusnya membantu mengukuhkan daya tahan ekonomi.


Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia menjelaskan, perkembangan teknologi digital yang semakin berkembang menyaksikan ekonomi digital bakal menjadi asas kepada ekonomi moden.

Di kebanyakan negara, ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), aktiviti ekonomi dipacu oleh e-dagang, bekerja dari rumah dan perkhidmatan penghantaran makanan yang dipesan secara dalam talian.

Selain itu, aplikasi pengesanan kontak juga membantu mengengkang penularan virus di samping membolehkan perniagaan meneruskan operasi. Bagaimanapun, pendigitalan dalam semua aspek kehidupan turut meningkatkan risiko jurang digital.

Kekurangan akses kepada internet dan peranti pintar menghadkan peluang golongan yang kurang bernasib baik mendapatkan pendidikan yang berkualiti, perkhidmatan penjagaan kesihatan, pekerjaan dan manfaat lain. Penggunaan yang tidak bertanggungjawab dan kelemahan teknologi digital pula boleh mengahakis kepercayaan.

Berdasarkan Forum Ekonomi Dunia (WEF), penipuan data dan serangan siber adalah antara 10 risiko teratas terhadap kestabi-



Usahawan dalam talian menggunakan kemudahan internet berkelajuan tinggi di Pusat Internet Komuniti Sri Tioman, Taman Melati, Gombak untuk memasarkan produk jualan ke laman sosial media. (Foto Aizuddin Saad/BH)

lan ekonomi dan kesepaduan sosial. Peningkatan risiko digital itu boleh memberi kesan kepada kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap ekonomi digital.

Dalam pada itu, kemajuan teknologi digital menjadikan kemahiran konvensional tidak relevan, sekali gus menyaksikan individu memiliki kemahiran digital yang terhad akan terkesan kerana automasi dan teknologi akan menyebabkan kehilangan pekerjaan.

WEF menganggarkan 75 juta pekerjaan di seluruh dunia akan digantikan oleh teknologi digital pada tahun hadapan.

Bagi Malaysia, ekonomi digital

membuka peluang kepada negara untuk memanfaatkan impak yang luas dan transformatif.

ia berupaya mempengaruhi beberapa komponen, iaitu masyarakat dengan membabitkan peluang pekerjaan baharu untuk pekerja gig serta berkemahiran digital.

Bagi komponen perniagaan, teknologi digital mewujudkan model perniagaan baharu yang mengganggu amalan tradisional, namun ia mewujudkan pasaran lebih besar dan luas untuk aktiviti komersial.

Untuk komponen kerajaan pula, ia akan menjadikan penyampaian perkhidmatan awam lebih baik menerusi peningkatan skop

serta kualiti.

Hakikatnya, ekonomi digital hasil daripada Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) yang teretus daripada penerima gunaan teknologi digital yang meluas.

Perubahan yang berlaku pada masa ini adalah sangat pantas yang tidak pernah terjadi dalam sejarah. Ia juga memberi kesan kepada hampir semua industri di dunia dan mentransformasi kaedah pengeluaran, pengurusan dan pentadbiran.

Lonjakan penerima gunaan teknologi digital daripada IR4.0 dan pengintegrasian data akan mempercepat pertumbuhan ekonomi digital.